

Umat Melayu perlu satu doktrin jelas — Abdul Ghani

UM 1 MAR 2002
JOHOR BAHRU 28 Feb. — Umat Melayu memerlukan satu doktrin atau ajaran sendiri yang jelas agar dapat membantu mengenali dan menentukan watak mereka yang sebenar dan sewajarnya dalam menghadapi cabaran masa depan.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, doktrin yang menggariskan ciri-ciri orang Melayu dari segi peribadi, nilai-nilai sosial, politik, agama dan budaya itu perlu untuk membolehkan mereka bertindak balas kepada perubahan secara kreatif dan tepat.

Beliau percaya ramai di kalangan cendekiawan tempatan yang mengkaji mengenai orang Melayu, mampu menyumbang kepada pembentukan doktrin Melayu itu.

“Kita amat ingin melihat orang Melayu bukan sekadar menguasai ilmu malah mempunyai daya fikir yang tinggi, berdaya saing, kreatif dan bertindak balas kepada perubahan secara tepat.

“Barangkali doktrin ini akan membantu kita menjadi lebih terbuka kerana sesungguhnya keagungan sesuatu bangsa terletak pada keterbukaan dan pembangunan minda bangsa berkenaan,” katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pembangunan Minda Melayu di sini malam tadi.

Seminar anjuran kerajaan negeri Johor dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu adalah kesinambungan daripada Seminar Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, 29 Januari lalu.

Abdul Ghani berkata, menyedari pentingnya peranan minda yang terbuka dan membangun dalam mengembangkan sesebuah pera-

daban, pihaknya menyambut usaha membicarakan minda Melayu dengan matlamat mengenal pasti perubahan yang harus dilakukan untuk mengukuhkan ummah.

Menurutnya, pelbagai faktor termasuk tafsiran agama Islam yang sempit, budaya yang negatif dan sikap materialistik merupakan halangan yang telah menutup minda orang Melayu daripada berfikir.

“Islam ditafsirkan hanya kepada amalan beragama dalam ibadat khusus sehingga menutup daya fikir untuk meneliti masalah-masalah lebih besar dari segi peradaban dan cabaran global,” katanya.

Tambah beliau, tafsiran sebegini telah melahirkan golongan pendakwah yang sentiasa bersikap menghukum, melabelkan orang lain yang tidak mengikut rentak dan gaya mereka, malah lebih buruk lagi mempolitikkan agama dan mempermainkan soal akidah.

Beliau kesal kerana pengetahuan dan pemahaman yang cetek terhadap agama telah mendorong sesetengah pihak membuat tafsiran dan terjemahan yang tidak tepat mengenai ajaran Islam bersesuaian dengan keadaan zaman.

Dalam hal ini, Abdul Ghani berkata, para ulama seharusnya bersedia meneliti serta membuat tafsiran al-Quran dan hadis yang terkini berasaskan realiti semasa seperti yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Islam silam pada zaman mereka.

Namun beliau menegaskan usaha ke arah itu agak sukar dilakukan sekiranya pemikiran orang Melayu masih lagi dibelenggu oleh budaya negatif seperti mengambil mudah dalam urusan hidup dan bersikap ala kadar.